



Peserta program **Delegasi Insaniah Kasih Auliya**, Perth, Australia Barat USIM.

Misi jejak **Melayu Islam** di Australia Barat

Nilai: Sejarah penghijrahan orang Melayu ke Australia sebagai pengusaha tanaman kelapa, tebu dan penuaian mutiara suatu ketika dulu menjadi titik permulaan perkembangan masyarakat Melayu dan Islam di benua Australia.

Terpanggil untuk menyingkap dan mengkaji kisah penghijrahan itu, 12 pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkunjung ke Perth dan Katanning, Australia Barat, baru-baru ini.

Kunjungan menerusi program Delegasi Insaniah Kasih Auliya, Perth, Australia Barat itu dianjurkan pelajar Tahun Empat Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa, Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM, diketuai Anuar Syafiq Idrus.

Anuar berkata, Australia Barat terkenal dengan sistem perun-

dangan yang sistematik dan masyarakat yang mempunyai nilai budi pekerti yang tinggi.

“Wilayah ini juga turut mempunyai jumlah masyarakat Melayu Islam yang ramai berbanding kawasan lain di benua Australia, sekali gus menjadi lokasi pilihan program ini.

Kaji sosiobudaya

“Program tujuh hari ini antara agenda pengantarabangsaan pelajar bertujuan mendedahkan mereka kepada aktiviti kesukarelawan antarabangsa seterusnya mengkaji sosiobudaya dan cara hidup masyarakat Islam yang menjadi agama minoriti di wilayah itu,” katanya.

Misi bermula di Perth dengan mengadakan pertemuan bersama-sama pelajar Malaysia di Universiti Murdoch bagi

menjayakan perkongsian ilmu dan pengalaman dalam menjalani kehidupan sebagai pelajar Muslim di bumi minoriti Islam.

Seterusnya, kembara diteruskan dengan aktiviti ziarah rakyat Malaysia di Dewan Malaysia Perth, Australia di jalan Newcastle, North Bridge.

Peserta turut berpeluang menyertai aktiviti mendaki gunung Bluff Knoll bersama-sama pelajar Universiti Murdoch bagi merapatkan ukhuwah dan serta menjalankan misi solidariti untuk Gaza di puncak tertinggi di Australia Barat itu.

Mereka dibekalkan dengan kain mafla, bendera dan kain rentang ‘Save Palestin’ dan berpeluang merakamkan gambar di puncak gunung itu.



Peserta turut berkongsi pengalaman melapah daging.

“WILAYAH INI JUGA TURUT MEMPUNYAI MASYARAKAT MELAYU ISLAM YANG RAMAI BERBANDING KAWASAN LAIN DI BENUA AUSTRALIA, SEKALI GUS MENJADI LOKASI PILIHAN PROGRAM”

Anuar Syafiq Idrus,
Pegawai program